

21 AUG 2003

Gerakan-Persidangan/I

PENGHORMATAN GERAKAN KEPADA DR MAHATHIR MENERUSI PAMERAN

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Pameran khas dan pertunjukan multimedia adalah sebahagian daripada program Persidangan Perwakilan Kebangsaan ke-32 parti Gerakan selama tiga hari bermula di sini esok.

Pameran bertajuk Wawasan 2020 itu adalah sebagai penghormatan khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sumbangan beliau kepada negara, kata setiausaha agung Gerakan Chia Kwang Chye kepada pemberita di sini hari ini.

Chia, yang juga pengerusi jawatankuasa penganjuran persidangan itu, berkata bahawa selepas pelancaran pameran itu oleh presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pada sebelah pagi, timbalan presiden Datuk Seri Kerk Choo Ting pula akan merasmikan persidangan pergerakan Pemuda dan Wanita Gerakan pada sebelah petang.

Dr Mahathir akan merasmikan persidangan parti itu, yang akan dihadiri oleh 1,800 anggota perwakilan, pada Sabtu ini.

Sebanyak 30 cadangan pindaan perlembagaan parti, yang diterima oleh Jawatankuasa Kerja Pusat, akan dibentangkan pada persidangan kali ini.

Pindaan itu menyentuh pelbagai isu seperti keahilan, penubuhan cawangan baru, penubuhan biro negeri dan pembubaran cawangan dan bahagian.

-- BERNAMA

VP AHH DC MAI